

# Selangor gantung Darjah Kebesaran Najib, Rosmah

> Pihak istana semak semula selepas kes dimuktamad mahkamah


Oleh Norzamira Che Noh  
bhnews@bh.com.my

Shah Alam

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, menitahkan supaya Darjah Kebesaran Selangor yang dikurniakan kepada bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, serta isteri, Datin Seri Rosmah Mansor, digantung sementara.

Setiausaha Kerajaan Selangor merangkap Pendaftar Darjah Kebesaran Negeri, Datuk Mohd Amin Ahmad Ahya, berkata penggantungan itu dilakukan selepas ia dirundingkan dengan Dewan di-Raja Selangor.

"Najib dikurniakan Keahlian Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.) Kelas Pertama yang membawa ge-



Najib Razak

laran Datuk Seri pada 2004 dan Darjah Kebesaran Dato' Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S.) Kelas Kedua yang membawa gelaran Datuk pada 1992.

"Rosmah pula dikurniakan Darjah Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.) Kelas Pertama yang membawa gelaran Datin Paduka Seri pada 2005.

#### Didakwa di mahkamah

"Mereka kini didakwa di mahkamah atas beberapa pertuduhan yang membabitkan kes rasuah, pecah amanah dan pengubahan wang haram, manakala Rosmah sudah didakwa atas beberapa pertuduhan yang membabitkan kes rasuah, pengubahan wang haram dan kes Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)," katanya dalam sa-



Rosmah Mansor

tu kenyataan semalam.

Justeru, Mohd Amin berkata, keahlian Najib sebagai penyangg Darjah Kebesaran S.P.M.S. dan D.P.M.S. serta keahlian Rosmah sebagai penyangg Darjah Kebesaran S.P.M.S digantung, berkuat kuasa 6 Mei 2019 sehingga kes perbicaraan dan rayuan (jika ada) yang membabitkan mereka selesai di mahkamah.

Katanya, penggantungan gelaran dan penggunaan darjah kebesaran yang dikurniakan oleh Sultan Selangor itu akan disemak semula selepas kes dimuktamadkan di mahkamah.

"Penggantungan ini selaras dengan kuasa baginda bawah Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, Statut Darjah Kebesaran berkaitan dan kon-

vensi yang diamalkan di Selangor," katanya.

Sementara itu, Mohd Amin berkata, Keahlian Darjah Kebesaran Dato'-Sultan Sharafuddin Idris Shah (D.S.I.S.) yang membawa gelaran Datuk 2010 yang dikurniakan kepada bekas Pengerusi Eksekutif dan Pengarah Syarikat NGV Tech Sdn Bhd, Zulkifli Shariff, ditarik balik.

Jelasnya, Zulkifli diisytiharkan bankrap oleh Jabatan Insolvensi Malaysia dan keahlian beliau sebagai penyangg Darjah Kebesaran D.S.I.S. ditarik balik dan dibatalkan berkuatkuasa 6 Mei 2019, memandangkan beliau adalah seorang yang tidak layak dan sesuai memegang Darjah Kebesaran itu.

"Beliau dilarang daripada menggunakan darjah kebesaran dan Gelaran Datuk, dan begitu juga mana-mana pihak lain juga turut ditegah daripada memanggil beliau dengan menggunakan gelaran berkenaan memandangkan kurniaan itu sudah ditarik balik dan dibatalkan selaras dengan kuasa baginda di bawah Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, Statut Darjah Kebesaran yang berkaitan dan konvensi yang diamalkan di Selangor," katanya.